

SOALAN NO.: 480

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
KAWASAN : BATU KAWAN**

**SOALAN:**

**YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan semua kerja-kerja pelebaran dan penambahbaikan jalan dari Rancangan Malaysia ke-9 sehingga kini yang dalam proses dan belum dijalankan di kawasan Parlimen Batu Kawan iaitu di Prai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun. Apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di jalan-jalan persekutuan di Parlimen Batu Kawan.

186

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah memohon dua projek untuk dilaksanakan di kawasan parlimen Batu Kawan semasa *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11 kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU). Dua projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Projek Menaiktaraf FT001 Daripada 2 Lorong Kepada 4 Lorong Dari Bukit Minyak (Seksyen 740.4) ke Bukit Tengah (Seksyen 746.10), Seberang Perai Tengah; dan
2. Projek Membina Jalan Baru Dari Laluan Persekutuan FT001 di Jawi ke Persimpangan Bertingkat Jambatan Kedua Pulau Pinang, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

Walaupun bagaimanapun, cadangan projek ini tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**SOALAN : 481**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi projek menyelenggara serta menambah baik Lapangan Terbang Pulau Pinang dari tahun 2000 sehingga kini serta rancangan Kerajaan untuk melebarkan dan membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang memandangkan bilangan pelawat yang menggunakan lapangan tersebut semakin bertambah

188

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2000 sehingga kini, sebanyak RM 296 juta telah dibelanjakan bagi penambahbaikan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) untuk menampung pertumbuhan jumlah penumpang dari 3.5 juta penumpang setahun (mppa) kepada 6.5 mppa. Antara kerja-kerja penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) pembesaran bangunan terminal;
- (b) penambahan parkir pesawat komersil daripada 11 petak kepada 16 petak;
- (c) pembinaan sebuah pusat utiliti yang baru;
- (d) pemuliharaan pagar keselamatan; dan
- (e) kerja-kerja prasarana serta infrastruktur yang lain.

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaik taraf LTAPP. Menerusi projek naik taraf ini, kapasiti penumpang akan meningkat kepada 12 juta mppa berbanding kapasiti terminal sedia ada iaitu 6.5 mppa.